



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

USAH BIARKAN AHLI KELUARGA TERABAI

KUALA LUMPUR, 14 FEB – Menyedari permasalahan masyarakat yang terkesan akibat COVID-19, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membantu gelandangan melalui operasi bersepadu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 untuk mencegah menularan COVID-19 yang dijalankan bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi-agensi berkaitan dalam menyelamatkan gelandangan dan ditempatkan di Anjung Singgah baru-baru ini. Melalui Anjung Singgah YKN ini, gelandangan wanita yang diselamatkan berjaya dirujuk semula ke pangkuan keluarga masing-masing manakala bakinya pula masih mengikuti intervensi di Anjung Singgah.

Menurut Datuk Seri Rina, Anjung Singgah Kuala Lumpur yang telah ditubuh dan beroperasi sejak tahun 2011 ini berperanan sebagai pusat khidmat rujukan bantuan sosial untuk golongan gelandangan dan menjadi tempat 'one stop centre' untuk pelbagai agensi, NGO, IPT, dan individu bagi melaksanakan aktiviti menyantuni golongan gelandangan. Selain itu, Anjung Singgah juga menyediakan kemudahan penginapan, makan minum, aktiviti intervensi termasuklah kaunseling, padanan kerjaya dan sebagainya yang diberikan secara percuma kepada golongan gelandangan. Agensi terlibat antaranya bagi padanan kerjaya ialah Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO; bantuan kebajikan oleh JKMM, Baitulmal, NGO; kaunseling oleh LPPKN, IPT; perumahan oleh PBT. Manakala pihak DBKL telah sediakan 20 unit Rumah Bimbingan Gelandangan dan pelaksanaannya diuruskan pihak YKN.

Dalam tempoh negara berhadapan pandemik COVID-19, Anjung Singgah meneruskan operasi 24 jam dengan mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan. Sentiasa pantau tahap kesihatan penghuni, amalkan penjarakan sosial, kerap mencuci tangan dan melakukan sanitasi penghuni keluar masuk dan ruang premis. Swab test juga telah dilaksanakan untuk semua penghuni sewaktu PKP 1.0 dan hasilnya semuanya negatif dari jangkitan COVID-19. Bagi tempoh PKP 2.0, YKN mengambil peranan membantu menempatkan gelandangan wanita di

Anjung Singgah kerana kemudahan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Pusat Sementara Gelandangan dikhaskan untuk lelaki, tambah Datuk Seri Rina.

Sehingga Disember 2020, seramai 8,037 orang gelandangan telah dibantu dan mendapat manfaat di seluruh Anjung Singgah YKN. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,889 orang gelandangan telah dibantu dan mendapat manfaat di Anjung Singgah YKN Kuala Lumpur sahaja.

Hadir sama YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWK M merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, YBrs. Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN dan YBrs. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh:
Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
03-8323 2437/2420